



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 18 Julai 2025

Untuk Terbitan Media
18 Julai 2025

SIARAN MEDIA

ISTERI MENINGGAL DUNIA, AKBAR SAHARI TERIMA PENCEN PENAKAT SEUMUR HIDUP DARIPADA PERKESO

KUALA LUMPUR: Pemergian isteri kepada penyampai sukan Astro Arena, Akbar Sahari, 50, iaitu Noorsuzilawati Mohd Noor, 44, pada 6 Julai lalu akibat kanser kolon, meninggalkan ruang yang sukar diganti dalam keluarga, namun kasih dan bakti Allahyarhamah terus mengalir kepada suami dan anak-anaknya menerusi faedah perlindungan sosial yang ditinggalkannya.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato' Sri Subahan Kamal menzahirkan rasa dukacita atas berita pemergian itu, mengimbas kembali kenangan sewaktu beliau bersama pasukan PERKESO menziarahi arwah dalam program Ziarah Prihatin pada 9 September tahun lalu.

Berdasarkan maklumat PERKESO, Noorsuzilawati, 44 pada waktu itu telah menerima Faedah Pencen Ilat, berjumlah RM1,441.67 yang dibayar sejak 5 Julai 2024, hasil daripada caruman ketika arwah masih bekerja dari tahun 1999.

Meskipun sudah pergi menghadap Ilahi, bakti arwah sebagai isteri dan ibu kepada suami dan tiga anak yang berusia bawah 21 tahun, masih berterusan dengan Faedah Pencen Penakat berjumlah RM1,441.67 yang mula dibayar kepada waris pada 6 Julai 2025.

“Semakan mendapati waris iaitu duda dan tiga anaknya berumur antara 13 hingga 19 tahun Noorsuzilawati layak menerima Faedah Pencen Penakat kerana mewarisi Faedah Pencen Ilat menerusi Skim Keilatan, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969.

“Faedah ini sudah pasti tidak dapat mengganti isteri, ibu yang sudah pergi namun walaupun tiada lagi di sisi, warisnya tetap dilindungi, terpelihara masa depan mereka hasil caruman selama ini,” kata Subahan.

Tambahnya, duda sebagai waris akan menerima Faedah Pencen Penakat seumur hidup, manakala anak-anaknya akan menerima faedah tersebut sehingga berusia 21 tahun atau melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat Ijazah Pertama.

Selain Pencen Penakat, PERKESO juga menyerahkan Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM3,000 kepada waris, yang sudah pun diserahkan kepada waris dua hari selepas arwah meninggal dunia.

Subahan berkata demikian ketika menghadiri program Ziarah Prihatin ke rumah arwah pada hari ini yang turut dihadiri Timbalan Ketua Eksekutif Operasi PERKESO, Azirruan Arifin, Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat PERKESO, Roshaimi Mat Rosely, Ketua Bahagian Sinergi, Rosmasita Mohamed dan Timbalan Pengarah PERKESO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Mohammad Haron Othman.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

18 Julai 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my